

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TAN SRI NOH BIN HAJI OMAR
[TANJONG KARANG]**

TARIKH : 11 JULAI 2019 [KHAMIS]

SOALAN NO. 81

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah rasionalnya penjenamaan semula syarikat Pemberi Pinjam Wang (PPW) berlesen sebagai Kredit Komuniti.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, penjenamaan semula Syarikat Pemberi Pinjam Wang (PPW) kepada Kredit Komuniti yang telah dilancarkan pada 5 April 2019 bertujuan untuk memberi satu wadah baharu terhadap industri pemberi pinjam wang berlesen. Penjenamaan semula ini melibatkan perubahan-perubahan daripada segi nama, imej, etika perkhidmatan perniagaan dan juga proses untuk mendapatkan lesen perniagaan sebagai pemberi pinjam wang berlesen.
2. Usaha penjenamaan semula PPW kepada Kredit Komuniti adalah perlu untuk membezakan syarikat pemberi pinjaman wang berlesen dengan *Ah Long* (pemberi pinjam wang tidak berlesen) bagi memberi

perspektif positif yang lebih mesra dan dekat dengan masyarakat sekaligus dapat mengikis pandangan dan persepsi buruk yang sering mengaitkan PPW berlesen ini dengan pelbagai label negatif seperti lintah darat, *loan shark*, terlibat dengan aktiviti kongsi gelap, sindiket gelap dan sebagainya.

3. Penjenamaan ini adalah penting untuk membina semula keyakinan rakyat terhadap Kredit Komuniti berlesen yang tertakluk kepada kawal selia Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Justeru, mana-mana Kredit Komuniti yang melanggar Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 (Akta 400) dan Peraturan berkaitan, akan diambil tindakan sewajarnya melalui penganan kompaun dan denda mahkamah.

4. Sehubungan itu juga, penjenamaan ini turut mewujudkan keseragaman penggunaan logo baharu, papan tanda dan *QR code* dalam kalangan Kredit Komuniti. Orang ramai akan lebih mudah untuk mengenal pasti Kredit Komuniti yang berlesen dengan KPKT. Papan tanda ini akan diguna pakai oleh semua syarikat Kredit Komuniti baharu yang menerima lesen daripada KPKT. Manakala bagi syarikat Kredit Komuniti yang telah beroperasi, mereka diwajibkan untuk mengguna pakai papan tanda tersebut semasa pembaharuan lesen dibuat. Penggunaan papan tanda baharu ini akan dilaksanakan secara berperingkat.

5. Untuk makluman Yang Berhormat juga, di samping penjenamaan semula syarikat PPW kepada Kredit Komuniti, nama baharu Bahagian Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gadai, KPKT yang bertanggungjawab mengawal selia industri Kredit Komuniti turut dijenamakan kepada Bahagian Kawalan Kredit Komuniti atau BKKK. Melalui penjenamaan semula Bahagian ini, beberapa pertambahan fungsi sedia ada turut dilakukan termasuklah memberi pendidikan dan kesedaran secara berterusan kepada pihak industri PPW dan Pemegang Pajak Gadai (PPG) mengenai tadbir urus dan amalan terbaik (*best practices*) agar kadar pematuhan terhadap Akta 400 dan peraturan

berkaitan akan sentiasa dapat dipertingkatkan. Program-program promosi akan diperhebat melalui pelbagai platform media sosial seperti *facebook* dan *twitter* bagi meningkatkan lagi kesedaran orang awam terhadap fungsi dan peranan KPKT terutamanya BKKK ini kelak.

6. Selaras dengan perkembangan teknologi semasa, KPKT turut melancarkan i-KrediKOM. Aplikasi mobil ini akan memudahkan orang awam membuat carian syarikat Kredit Komuniti yang berlesen di Semenanjung Malaysia selain memudahkan orang ramai membuat aduan. Aplikasi ini turut memberi penerangan secara informatif mengenai hak sebagai peminjam dan jenis-jenis kesalahan di bawah Akta 400 dan Peraturan-peraturan berkaitan.

7. Untuk makluman Yang Berhormat juga, KPKT telah melancarkan aplikasi i-Gadaian pada 19 Jun 2019 bagi memberikan kemudahan kepada orang awam dalam mengenal pasti pemegang pajak gadai (PPG) konvensional berlesen yang berdaftar dengan KPKT.

8. Aplikasi ini juga menyediakan saluran untuk orang awam membuat aduan dan semakan lokasi PPG serta turut memuatkan pelbagai informasi lain yang bermanfaat untuk makluman orang awam terutama kepada mereka yang berminat untuk menjalankan transaksi pajak gadai seperti Undang-undang yang berkaitan dengan PPG serta jenis-jenis kesalahan di bawah Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 [Akta 81] yang memberi perlindungan kepada hak seorang pemajak.

9. KPKT juga menjalankan penambahbaikan proses kerja secara berterusan terutamanya yang melibatkan prosedur pelesenan bagi memastikan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada rakyat terus meningkat. Sekian, terima kasih.